

10 AUG 1998

Annuar-desa

STRATEGI KHUSUS TANGANI KEGAWATAN EKONOMI UNTUK LUAR BANDAR

SEREMBAN, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan melaksanakan strategi khusus bagi menambah pendapatan penduduk kampung ketika kegawatan ekonomi ini, antaranya dengan menggalakkan suri rumah menjalankan aktiviti ekonomi bagi menambah pendapatan keluarga.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini berkata usaha juga akan dijalankan bagi mengurangkan pengangguran dalam keluarga, menggembleng tenaga pemuda dan menggunakan sepenuhnya kawasan tanah terbiar di kampung.

Usaha meningkatkan pengeluaran makanan secara besar-besaran juga akan dilaksanakan melalui Dana Program Peningkatkan Ekonomi Kampung yang memperuntukkan RM24 juta tahun ini, katanya kepada pemberita selepas melawat Kampung GDW Pelegong, Labu dekat sini.

Annuar berkata penternakan lembu, ikan, ayam daging dan ayam telur akan diperhebatkan di kampung-kampung dengan menggunakan sumber yang terdapat di kampung bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seperti penternakan ikan secara besar-besaran yang dijalankan di Tasik Bukit Besi, Terengganu.

Katanya, kerajaan mahu jumlah pendapatan bulanan bagi sebuah keluarga enam orang di kampung sekurang-kurangnya RM600 sebulan untuk mencapai tahap kehidupan selesa.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan 600 kampung yang menyertai Gerakan Desa Wawasan (GDW) di Kampung Chengal, Kadok, Kelantan 22 Ogos ini.

Setakat ini hampir 2,000 kampung di seluruh negara telah menyertai GDW.

Melalui GDW pembangunan kawasan luar bandar akan dapat dijalankan secara lebih berkesan dan bersepadu kerana ia melibatkan sendiri penduduk dalam program-program yang dijalankan melalui konsep pengurusan pemuafakatan.

Peruntukan juga disediakan untuk kampung-kampung ini membeli komputer dan melanggan Internet. Kursus komputer akan dijalankan secara berperingkat untuk pengerusi dan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung berkenaan.

-- BERNAMA

AZ MAI